



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

---

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### **PEMBINAAN JALAN PINTAS MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA PENDUDUK KAMPUNG GERSIK, WP LABUAN**

**WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN, 31 Julai 2016** - YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan Tengku Mansor, hari ini menyempurnakan Majlis Pembukaan Projek Pembinaan Jalan Pintas Kampung Gersik, Wilayah Persekutuan Labuan. Majlis turut dihadiri oleh YB Datuk Rozman bin Datuk Hj. Isli, Ahli Parlimen Labuan dan YBhg. Datuk Seri Adnan bin Hj. Md Ikshan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan.

2. Pembinaan Projek Jalan Pintas Kampung Gerisik mula dilaksanakan pada 11 Ogos 2014 dengan kos RM20,562,971.50 yang melibatkan jalan sepanjang 1.150 kilometer serta kelebaran jalan 3.5 meter dengan kemudahan dua lorong untuk kenderaan. Pelaksanaan projek ini bertujuan untuk mengurangkan aliran trafik yang tinggi melibatkan Jalan Arshad dan Jalan Tun Mustafa yang digunakan penduduk setempat untuk ke kawasan bandar serta kawasan perindustrian Patau-Patau.

3. Laluan ini berupaya mentransformasikan akses kepada pembangunan di kawasan tanah milik Perbadanan Labuan dan seterusnya meningkatkan sistem aliran trafik yang lebih baik di kawasan luar bandar serta kawasan perindustrian Patau-Patau apabila siap kelak. Ia dapat dilihat dari aspek peningkatan kemudahan jaringan infrastruktur dan logistik untuk industri kecil dan sederhana di Wilayah Persekutuan Labuan. Projek Pembinaan Jalan Pintas Kampung Gersik turut berupaya memberi

impak kepada perubahan landskap infrastruktur serta sosio-ekonomi dan dalam masa yang sama projek ini juga akan menjadi jalan penghubung yang strategik serta efisien.

4. Projek Jalan Pintas Kampung Gersik, Wilayah Persekutuan Labuan ini hanya akan dibuka untuk sementara waktu bagi tujuan perasmian iaitu pada 31 Julai 2016 jam 2.00 petang dan akan ditutup semula pada 1 Ogos 2016 jam 12.00 malam. Jalan Pintas Kampung Gersik ini akan dibuka sepenuhnya kepada orang ramai bermula pada 15 Ogos 2016 setelah mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) daripada pihak Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Labuan.

5. Projek Pembinaan Jalan Pintas Kampung Gerisik telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan dan Syarikat Borneo Era Sdn. Bhd. yang telah dilantik sebagai rakan pelaksana projek. Pelaksanaan projek ini juga merupakan tanggungjawab Kerajaan supaya seluruh warga Wilayah Persekutuan Labuan dapat menikmati kemudahan yang baik, selesa, ceria dan sejahtera.

Disediakan oleh:  
Jabatan Hal Ehwal Korporat  
Perbadanan Labuan  
31 Julai 2016